Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies
52(1)(2025): 114-134
https://doi.org/10.17576/jebat.2025.5201.06

Strategi Politik Naungan dan Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA Pada Pilihan Raya Umum ke-15, Johor

Patronage Political Strategy and Ayer Hitam Parliament as MCA's Political Base in the 15th General Election, Johor

MUHAMMAD NAIM FAKHIRIN REZANI
Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia
Corresponding author: naim_fakhirin@yahoo.com
Received: 09 October 2023 Accepted: 19 March 2025

Abstrak

Keputusan PRU 15 memperlihatkan MCA berjaya mempertahankan kemenangan pada satu-satunya kerusi iaitu Parlimen Ayer Hitam. Perkara ini membuktikan Parlimen Ayer Hitam menjadi signifikasi terhadap kelangsungan politik MCA bukan sahaja di Johor, malah untuk memastikan parti itu terus relevan dalam politik Malaysia. Perbincangan utama kajian ini mengenai strategi politik naungan yang direncanakan oleh MCA sebagai tindakan utama untuk mempertahankan kemenangan di Parlimen Ayer Hitam, seterusnya menjadikan kerusi ini sebagai kubu kuat parti itu. Strategi politik naungan yang dibincangkan dalam kajian ini mernagkumi dua tindakan MCA iaitu calon yang bertanding dan pendekatan kempen. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui olahan data yang melibatkan keputusan PRU 15 bagi kerusi Parlimen Ayer Hitam. Data-data ini diperoleh melalui helaian mata (scoresheet) keputusan pilihan raya berdasarkan saluran pengundi yang ditetapkan oleh SPR. Selain itu pendekatan kualitatif juga dilakukan berdasarkan kepada sumber primer yang diperoleh dari SPR seperti laporan persempadanan. Data-data ini dianalisis secara deskriptif dengan menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan hasil kajian yang jitu. Dapatan kajian ini merumuskan, faktor utama yang membantu MCA terus bertapak di Parlimen Ayer Hitam adalah melalui strategi politik naungan. MCA menggunakan strategi politik naungan bagi mendapatkan sokongan pengundi Melayu untuk mempertahankan kemenangan di Parlimen Ayer Hitam. Menerusi strategi politik naungan ini, MCA menjadikan kerusi Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat parti tersebut dalam arus politik masyarakat Cina, terutamanya dalam konteks negeri Johor pada PRU 15.

Kata kunci: Parti Politik; Strategi; Johor; Politik Cina; Pola Pengundian

Abstract

The results of GE 15 showed that MCA successfully defended its victory in the only seat, the Ayer Hitam Parliamentary constituency. This proves that the Ayer Hitam Parliamentary constituency is significant for the political survival of MCA not only in Johor, but also to ensure that the party continues to be relevant in Malaysian politics. The main discussion of this study is on the patronage political strategy planned by MCA as the main action to defend its victory in the Ayer Hitam Parliamentary constituency, thus making this constituency a stronghold for the party. The patronage political strategy discussed in this study includes two actions by MCA, namely the candidates who are contesting and the campaign approach. This study uses a quantitative approach, which is through data processing involving the results of GE 15 for the Ayer Hitam Parliamentary constituency. This

eISSN: 2180-0251

data is obtained through a scoresheet of election results based on the voter channels set by the EC. In addition, a qualitative approach is also carried out based on primary sources obtained from the EC such as delimitation reports. This data is analyzed descriptively, which involves a combination of quantitative and qualitative approaches to obtain accurate research results. The findings of this study conclude that the main factor that helps MCA maintain its foothold in the Ayer Hitam Parliamentary constituency is through the patronage political strategy. MCA used a patronage political strategy to gain the support of Malay voters to defend its victory in the Ayer Hitam parliamentary seat. Through this patronage political strategy, MCA made the Ayer Hitam parliamentary seat a stronghold for the party in the Chinese political current, especially in the context of the state of Johor in the GE 15.

Keywords: Political Party; Strategy; Johor; Chinese Politic; Voting Patterns

Pengenalan

Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 (PRU 14) memperlihatkan Barisan Nasional (BN) gagal mempamerkan prestasi yang baik sepanjang penglibatan gabungan parti itu dalam politik Malaysia, sekaligus menyaksikan BN gagal membentuk kerajaan. Selain itu, BN turut kehilangan penguasaan terhadap negeri Johor, yang menjadi 'kubu politik' untuk gabungan tersebut sejak sekian lama. Walaupun lensa politik lebih tertumpu terhadap *United Malays National Organization* (UMNO), selaku parti tunjang yang mendominasi BN, namun perkara yang menjadi signifikasi terhadap perubahan landskap politik pada PRU 14 adalah prestasi *Malaysia Chinese Association* (MCA).[1] Kedudukan MCA selaku parti dan tempat politik bagi masyarakat Cina bernaung sejak Malaysia memperoleh kemerdekaan seolah-olah digantikan dengan pesaing mereka iaitu *Democratic Action Party* (DAP).[2] Kesemua kerusi Parlimen di Johor yang menjadi kubu MCA seperti Labis, Kulai dan Kluang tewas dengan majoriti yang besar. Satu-satunya kerusi Parlimen yang berjaya dipertahankan oleh MCA adalah Parlimen Ayer Hitam. Selaras dengan kemenangan tersebut, kedudukan Parlimen Ayer Hitam diletakkan sebagai 'permata' oleh MCA, apatah lagi penyandang kerusi ini adalah Presiden parti tersebut, Wee Ka Siong (2018-Sekarang).

Berdasarkan kepada kedudukan tersebut, kerusi Parlimen Ayer Hitam memainkan peranan sebagai kubu kuat bagi meneruskan kelangsungan politik MCA di Johor. Oleh itu dalam kempen Pilihan Raya Umum Ke-15, 2022 (PRU 15), MCA berusaha habis-habisan agar satu-satunya kerusi Parlimen milik mereka ini tidak jatuh kepada pesaing utama iaitu DAP. Kajian ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama akan membincangkan definisi konsep politik naungan. Manakala bahagian kedua akan menjelaskan latar belakang Parlimen Ayer Hitam sehingga PRU 15. Manakala bahagian ketiga akan memperincikan kedudukan Parlimen Ayer Hitam dalam jajaran politik baharu dan faktor MCA memilih Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat. Manakala bahagian keempat akan membincangkan strategi politik naungan dan keputusan yang diperoleh MCA di Parlimen Ayer Hitam pada PRU 15. Bahagian kelima akan memperlihatkan kejayaan MCA dalam menjadikan Parlimen Ayer Hitam ini sebagai kubu kuat mereka pada PRU 15.

Kajian yang dilakukan berkenaan strategi politik naungan oleh MCA dalam usaha menjadikan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu parti itu menggunakan kaedah kualitatif. Sumber utama yang digunakan dalam perbincangan kajian adalah sumber primer, iaitu dokumen rasmi yang belum diolah meliputi laporan dari Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) seperti helaian mata (*score sheet*) keputusan pilihan raya Parlimen Ayer Hitam dan laporan persempadanan semula kawasan Parlimen. Data dari laporan persempadanan dan keputusan pilihan raya yang diperoleh tersebut diperincikan semula berdasarkan jumlah undi yang diperoleh parti yang bertanding. Perkara ini dilakukan untuk membincangkan data dari keputusan tersebut dengan lebih terperinci dan tepat berdasarkan

justifikasi untuk kajian yang akan dilakukan. Selain itu, kajian ini turut menggunakan data sekunder dari buku dan jurnal artikel oleh sarjana terhadahulu untuk menjadi rujukan terhadap konsep teori yang dijadikan kerangka untuk kajian yang akan dilakukan. Pengunaan media cetak akhbar seperti Berita Harian, Utusan Malaysia, *The Star* dan *The Edge* turut dilakukan bagi mendapatkan gambaran terhadap situasi politik yang berlaku, terutamanya yang melibatkan Parlimen Ayer Hitam semasa dalam tempoh PRU 15 diadakan.

Teori dan Konsep Politik Naungan

Politik naungan merupakan strategi yang sering direncanakan oleh individu atau parti politik yang terlibat secara langsung untuk kelangsungan mereka. Selain itu, politik naungan ini turut melibatkan negara-negara tertentu, terutamanya untuk pertahanan dan kelangsungan bagi mengharungi politik musuh. Menurut Winston Churchill, definisi politik naungan adalah sebuah sistem politik yang memberi pengaruh parti induk kepada parti-parti lain yang menumpang dibawahnya. Melalui politik naungan ini, parti-parti lain yang bergabung dibawah parti induk akan berada dalam keadaan yang kukuh berbanding pihak lawan.[3] Justeru itu, strategi politik naungan ini merangkumi beberapa elemen dan perkara yang paling penting dalam strategi politik naungan adalah memastikan kelangsungan parti politik atau negara yang terlibat dalam peperangan bagi mengharungi persaingan dengan seteru utama mereka. Merujuk kepada perkara tersebut, beliau menggariskan parti-parti yang terlibat supaya melaksanakan strategi politik naungan bagi mengharungi Pilihan Raya 1950 di United Kingdom. Melalui strategi ini, Parti Konservatif berjaya membentuk kerajaan bukan sahaja disebabkan oleh kemampuan parti itu sendiri, malah kemenangan itu turut disumbangkan oleh parti-parti kecil yang bersekutu dengan parti tersebut seperti Parti Liberal yang menang sembilan kerusi Parlimen dan Parti Nasionalis, yang menang dua kerusi Parlimen.[4]

Strategi politik naungan ini turut dipraktikkan di Malaysia sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka. Semasa era Kesultanan Melayu Melaka, kerajaan ini bernaung melalui kekuasaan kerajaan Ching dari China bagi kelangsungan politik dalam mengatasi kerajaan Ayutthaya dan Srivijaya. Strategi politik ini diteruskan sehingga pentadbiran kerajaan Johor-Riau, iaitu mendapat naungan dari Turki Uthmaniyah bagi mempersiap siagakan pertahanan dari kerajaan Acheh dan Belanda di Hindia Timur (Indonesia).[5]

Namun begitu, strategi politik naungan ini turut mengalami perubahan selari dengan perubahan landskap politik Malaysia. Sejak Tanah Melayu merdeka pada 1957 dan kepimpinan negara dipilih melalui proses demokrasi, oleh itu strategi politik naungan ini hanya melibatkan parti politik atau pemimpin yang berusaha mengukuhkan kedudukan dalam politik. Pasca kemerdekaan Tanah Melayu memperlihatkan konsep politik naungan ini dilakukan bagi penentuan kelangsungan politik individu dan parti politik yang terlibat. Parti politik atau individu yang kurang berpengaruh, akan menumpang kekuatan parti yang lebih berpengaruh untuk memastikan mereka turut memperoleh kekuatan politik yang sama bagi memastikan pengaruh dan kedudukan dalam politik negara terus relevan.[6] Situasi politik naungan ini jelas berlaku dalam politik Johor. Sejak Perang Dunia Kedua, politik negeri ini merupakan satu-satunya negeri yang memaparkan secara langsung bahawa ‘politik Johor, politik UMNO’.

Keadaan ini berlaku disebabkan oleh UMNO ditubuhkan dari Istana Bukit Serene, Johor dan mendapat sokongan dari Sultan Johor, Sultan Ibrahim al-Masyhur (1895-1951) pada 1946.[7] Penubuhan UMNO dari Istana ini ibarat mendapat restu dari Sultan, perkara ini menyebabkan UMNO dipandang sebagai pembela masyarakat Melayu, seterusnya menguasai politik di negeri ini dalam tempoh yang lama.[8] Kedudukan UMNO terhadap politik Johor terus kukuh sehingga PRU 14, satu-satunya pilihan raya peringkat Dewan Undangan Negeri yang parti itu gagal membentuk kerajaan. Pengekalan

pemerintahan yang lama menyebabkan UMNO sebati dengan penduduk negeri ini, sekaligus Johor digelar sebagai 'kubu UMNO' dan secara tidak langsung menunjukkan 'politik Johor' adalah 'politik UMNO'. Oleh itu, parti-parti lain yang bersekutu dengan UMNO pada asasnya menumpang kekuatan yang ada parti ini, terutamanya MCA. Tanpa politik naungan dari UMNO ini, MCA tidak memiliki kekuatan yang tersendiri untuk menang di Johor, terutamanya pada kerusi DUN dan Parlimen yang dikategorikan sebagai kerusi campuran seperti Parlimen Ayer Hitam, Tanjong Piai, DUN Bekok, Bentayan dan Paloh.[9] Berdasarkan kepada konsep politik naungan yang dipraktikkan oleh MCA ini, parti itu turut mendapat sokongan dari pengundi Melayu, sekaligus mengukuhkan kedudukan parti itu dalam politik Johor. Oleh itu pada PRU 15, konsep politik naungan ini jelas dipraktikkan oleh MCA, terutamanya dalam situasi persaingan di Parlimen Ayer Hitam demi kelangsungan parti tersebut.

Walaupun terdapat kerangka teori lain untuk persaingan politik seperti teori pilihan rasional mahupun teori kuasa keras, namun teori politik naungan ini lebih sesuai dengan kajian politik negeri Johor, terutamanya melibatkan kerusi Parlimen yang terdiri dari pengundi marginal atau campuran. Situasi politik di Johor memperlihatkan konsep politik naungan ini telah berlaku dalam tempoh yang lama, iaitu sejak UMNO ditubuhkan pada 1946. Pada awal penubuhan parti itu, UMNO sendiri mendapat naungan dari istana kerana parti itu ditubuhkan oleh Menteri Besar Johor, Dato' Onn Jaafar (1947-1950) dan mendapat sokongan penuh dari Sultan Johor.[10] Berdasarkan kepada situasi tersebut, UMNO dianggap sebagai parti yang mendapat naungan dari istana Johor dan perkara ini membolehkan UMNO menguasai politik Johor, seterusnya menjadikan politik Johor adalah 'politik UMNO'.[11] Penguasaan politik Johor menyebabkan UMNO mempunyai kekuatan akar umbi yang lebih baik berbanding parti lain dalam gabungan Barisan Nasional (BN). Justeru itu, kekuatan sokongan akar umbi ini diperlukan oleh parti komponen BN, terutamanya MCA. Berdasarkan kepada situasi tersebut, MCA berusaha mempraktikkan politik naungan dari UMNO bagi mengukuhkan kedudukan parti itu terhadap politik Johor, terutamanya di kerusi Parlimen Ayer, kawasan yang dijadikan sebagai kubu kuat parti itu.

Sungguhpun telah banyak kajian mengenai teori politik naungan oleh sarjana terdahulu, namun kajian tersebut tidak memperincikan hubungkait teori ini dengan persaingan politik berdasarkan kerusi Parlimen, lebih-lebih lagi melibatkan politik Malaysia. Antara kajian tersebut adalah Edmund Terence Gomez dan K. S. Jomo membincangkan politik naungan ini memberi kelebihan kepada persaingan politik secara umum. Kajian ini menyatakan kemenangan yang dicapai oleh UMNO disebabkan oleh politik naungan yang diperoleh parti itu. Selain itu, kajian ini turut menyatakan politik naungan yang diperoleh UMNO ini membolehkan parti itu bertahan dengan lebih lama berbanding pesaingnya, terutamanya PAS. Walaupun begitu, kajian ini tidak memperincikan konsep politik naungan terhadap kedudukan kerusi Parlimen dalam pilihan raya.[12]

Manakala dapatan kajian oleh Tricia Yeoh dan Sebastian C. Dettman membincangkan kepentingan politik naungan ini berdasarkan kepada kekuatan untuk parti yang bersaing dari aspek ekonomi dan pendanaan. Kedua-dua kajian ini menyatakan faktor yang mempengaruhi kekuatan BN dalam persaingan politik adalah sumber kewangan yang kukuh dan membolehkan gabungan itu menaungi politik di Malaysia.Walaupun begitu, kedua-dua kajian ini tidak memperincikan strategi politik naungan ini berdasarkan kepada persaingan di kerusi Parlimen, terutamanya dalam aspek persaingan parti yang bertanding. Begitu juga dengan kajian oleh Gary Rodan dan Mohamed Nawab, Edmund T. Gomez membincangkan politik naungan yang berlaku terhadap politik Malaysia ini secara umum tanpa memperincikan strategi politik naungan ini terhadap persaingan politik yang berlaku di kerusi Parlimen, terutamanya yang melibatkan konteks negeri Johor.

Walaupun begitu, dapatan kajian oleh Donald R. Fraser, Hao Zhang dan Sharon Tan sedikit berbeza berbanding kajian-kajian tersebut kerana kedua-dua kajian ini membincangkan politik naungan terhadap politik Malaysia dari aspek persaingan politik antara UMNO dan parti pembangkang.

Dapatan kedua-dua kajian ini seterusnya menyatakan strategi politik naungan memberi impak terhadap rasuah dan kronisme yang berlaku. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian ini tidak membincangkan strategi politik naungan ini berdasarkan kepada situasi politik yang melibatkan persaingan di kerusi Parlimen semasa pilihan raya diadakan. Berdasarkan kepada kelompongan yang terdapat pada kajian terdahulu, kajian yang akan dilakukan ini akan memperincikan politik naungan dari aspek persaingan politik yang melibatkan MCA bagi membuktikan politik naungan itu digunakan dalam persaingan politik untuk pengukuhan di kerusi Parlimen.

Dinamika Parlimen Ayer Hitam Sehingga PRU 15


Dinamika politik membawa maksud kepelbagaian yang mempengaruhi situasi politik di kawasan tersebut. Secara konseptual, dinamika politik Malaysia adalah berasaskan kepada pembahagian mengikut bangsa dan agama di sesuatu tempat.[13] Terdapat dua faktor penting yang mempengaruhi dinamika politik Malaysia, khususnya untuk setiap kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Dua faktor tersebut adalah demografi pengundi dan prestasi parti yang bertanding di kerusi Parlimen tersebut.[14] Demografi pengundi menjadi faktor utama yang menentukan parti dan calon yang bertanding, seterusnya menjadi faktor dominan yang mempengaruhi keputusan pilihan raya yang diperoleh. Justeru itu, dua aspek ini memainkan peranan penting sebagai latar belakang terhadap situasi politik di Parlimen Ayer Hitam yang didominasi oleh MCA sejak kerusi ini mula dipertandingkan sehingga PRU 15.

Kerusi Parlimen Ayer Hitam mula dipertandingkan pada Pilihan Raya Umum 1974 (PRU 4), susulan persempadanan semula kawasan pilihan raya pada tahun yang sama. Persempadanan ini memperlihatkan berlakunya perubahan terhadap kerusi Parlimen Batu Pahat Dalam (1959-1969). Kerusi Parlimen ini dipecahkan kepada dua kerusi Parlimen iaitu Parlimen Ayer Hitam dan Parlimen Semerah.[15] Walaupun begitu, kerusi ini tidak dipertandingkan bermula dari Pilihan Raya Umum 1986 (PRU 7) sehingga Pilihan Raya Umum 1999 (PRU 10) dan hanya dipertandingkan semula pada Pilihan Raya Umum 2004 (PRU 11) sehingga sekarang. Faktor utama kerusi ini tidak dipertandingkan pada 1986-1999 disebabkan oleh kecenderungan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada tempoh tersebut untuk menambah kerusi majoriti pengundi Melayu.[16] Pengerusi SPR, Tan Sri Dato' Ahmad Perang (1967-1977) menyatakan, persempadanan perlu dilakukan kerana pertambahan bilangan pengundi Melayu yang tinggi berbanding PRU yang lalu. Untuk rekod, jumlah pengundi Melayu pada Pilihan Raya Umum 1969 (PRU 3) adalah 529,440 orang, meningkat kepada 715,629 orang pada PRU 1974.[17] Peningkatan jumlah pengundi ini menyebabkan berlakunya desakan agar kerusi Parlimen yang baharu diwujudkan dan berdassarkan situasi tersebut, kerusi Parlimen Ayer Hitam dipertandingkan pada PRU 4.

Pada 1984, persempadanan semula kawasan pilihan raya dilakukan melibatkan perpindahan Pusat Daerah Mengundi (PDM) dari Parlimen Ayer Hitam seperti Parit Haji Yusof, Sungai Rambut, Kampong Haji Ghaffar dan Ladang Chaah bagi membentuk kerusi Parlimen baharu iaitu Parlimen Parit Sulong dan Batu Pahat.[18] Oleh itu sejak PRU 7, kerusi Parlimen Ayer Hitam tidak dipertandingkan di Johor dan kekal sehingga 2003. Faktor utama yang menyebabkan kerusi ini tidak dipertandingkan adalah untuk memecahkan kedudukan di kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA/ *Federal Land Development Authority*). Dalam tempoh tersebut, penduduk di kawasan FELDA di Johor terlalu padat, oleh itu SPR pecahkan kerusi Parlimen Ayer Hitam ini kepada dua kerusi Parlimen baharu iaitu Parlimen Parit Sulong dan Parlimen Batu Pahat.[19] Melalui pecahan kerusi ini, kepadatan jumlah penduduk untuk setiap kerusi dapat dikurangkan di Johor dan ini memudahkan SPR untuk menguruskan pengundian di kawasan tersebut.

Pada 2003, selaras dengan peningkatan jumlah pengundi berdaftar iaitu 9,546,303 orang pada 1999 kepada 9,754,226 orang pada 2002, SPR melakukan persempadanan semula kawasan pilihan raya pada 2003 dan kembali membentuk kerusi Parlimen Ayer Hitam untuk dipertandingkan semula pada PRU 2004.[20] Walaupun begitu, kerusi Parlimen yang bersebelahan dengan Parlimen Ayer Hitam seperti Parlimen Parit Sulong dan Batu Pahat masih dikekalkan kerana pembentukan Parlimen Ayer Hitam yang baharu ini hanya melibatkan perpindahan PDM kawasan tertentu seperti PDM Asam Bubok dan Sungai Rambut dari Parlimen Sri Gading dan PDM Semarang dari Parlimen Parit Sulong.[21] Oleh itu pada PRU 2004, kerusi Parlimen Ayer Hitam merupakan kerusi yang status marginal atau campuran kerana nisbah pengundi Melayu dan Cina tidak berbeza dengan ketara.

Peta 1 menunjukkan kedudukan Parlimen Ayer Hitam pada PRU 11. Berdasarkan peta tersebut, kedudukan Parlimen Ayer Hitam terletak di tengah-tengah dan dikelilingi oleh Parlimen Labis, Sembrong, Simpang Renggam, Batu Pahat, Sri Gading dan Parit Sulong. Walaupun begitu, hanya kerusi Parlimen Ayer Hitam sahaja ditakrifkan sebagai kerusi campuran dalam kawasan tersebut. Kerusi-kerusi Parlimen yang berdekatan adalah kerusi majoriti mengikut kaum tertentu. Misalnya kerusi Parlimen Labis merupakan kerusi majoriti pengundi Cina. Manakala kerusi Parlimen Batu Pahat dan Parit Sulong adalah kerusi majoriti pengundi Melayu. Oleh itu MCA memilih Parlimen Ayer Hitam sebagai antara kerusi Parlimen yang harus ditandingi oleh parti itu kerana peluang untuk menang adalah tinggi.



Peta 1: Peta Persempadanan Bahagian Parlimen Negeri Johor.
Sumber: Peta Bahagian Pilihan Raya Negeri Johor, 2004, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Walaupun begitu, kerusi yang dibentuk pada 2003 ini berbeza dengan Parlimen Ayer Hitam pada tempoh PRU 4 hingga PRU 6. Perbezaan tersebut merangkumi kedudukan demografi pengundi. Kerusi Parlimen ini mengalami perubahan dari kerusi majoriti pengundi Cina kepada kerusi campuran.[22] Faktor utama yang menyebabkan perbezaan tersebut disebabkan oleh perpindahan jumlah pengundi Cina kepada kawasan majoriti pengundi Melayu.[23] Rentetan dari perkara tersebut, banyak kerusi campuran diwujudkan kesan dari perpindahan pengundi Cina. Antara kerusi tersebut adalah

Parlimen Tanjong Piai, Sembrong dan Ayer Hitam. Dua daripada kerusi ini ditandingi oleh MCA, manakala Parlimen Sembrong ditandingi oleh UMNO. Pembahagian kerusi Parlimen dan DUN untuk ditandingi oleh setiap parti di Johor membuktikan bahawa MCA menerajui kerusi kawasan Cina dan kerusi marginal atau campuran. Oleh itu kerusi Parlimen Tanjong Piai dan Ayer Hitam ini ditandingi oleh MCA memandangkan kedua-duanya adalah status kerusi kerusi campuran.[24]

Jadual 1 menunjukkan demografi pengundi di Parlimen Ayer Hitam pada tempoh PRU 4 hingga PRU 15. Berdasarkan jadual tersebut, demografi pengundi mengalami perubahan ketara dalam tempoh tersebut. Pada tempoh PRU 4-6, pengundi Cina merupakan majoriti pengundi di Parlimen Ayer Hitam. Purata peratus pengundi Cina dalam tempoh tersebut adalah 55.3 peratus. Manakala purata pengundi Melayu pula adalah 40.1 peratus, purata pengundi India 3.1 peratus dan lain-lain 0.1 peratus. Jumlah ini membuktikan pengundi Cina mendominasi kerusi ini pada tempoh tersebut.

Jadual 1: Peratus Demografi Pengundi Di Parlimen Ayer Hitam, PRU 1974-2022

Tahun	Peratus Jumlah Pengundi			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain
PRU 4 (1974)	41.5	55.3	3.1	0.1
PRU 5 (1978)	40.6	56.2	3.1	0.1
PRU 6 (1982)	40.5	56.3	3.1	0.1
PRU 7 (1986)				
PRU 8 (1990)				
PRU 9 (1995)		Tidak dipertandingkan		
PRU 10 (1999)				
PRU 11 (2004)	55.8	40	4.1	0.1
PRU 12 (2008)	55.1	40.7	4.1	0.1
PRU 13 (2013)	56.4	39.4	4.1	0.1
PRU 14 (2018)	56	39.8	4.1	0.1
PRU 15 (2022)	58.7	37.1	4.1	0.1

Sumber: Laporan Keputusan Pilihan Raya Negeri Johor, Bahagian Parlimen, Pilihan Raya Umum Ke-15, 2022 Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Dalam tempoh PRU 11 hingga PRU 15, peratus pengundi Cina di Parlimen Ayer Hitam berkurang kepada 37.1 peratus pada PRU 15. Kerusi Parlimen Ayer Hitam yang baharu dibentuk ini merupakan kerusi marginal atau dikenali dengan kerusi campuran kerana komposisi pengundi mengikut kaum adalah setara. Ini dapat dilihat jumlah pengundi Cina dan pengundi Melayu tidak memiliki perbezaan yang ketara. Misalnya pada PRU 11, pengundi Cina berjumlah 40 peratus, manakala pengundi Melayu pula berjumlah 55.8 peratus. Begitu juga pada PRU 14, jumlah pengundi Melayu dan pengundi Cina di Parlimen Ayer Hitam hampir setara. Pada PRU tersebut, jumlah pengundi Cina adalah 39.8 peratus manakala pengundi Melayu pula 56 peratus.

Secara asasnya, kerusi Parlimen Ayer Hitam mengalami perubahan sebanyak tiga kali berdasarkan proses persempadanan semula kawasan pilihan raya yang dilakukan pada 1974, 1984 dan 2003. Perubahan ini secara tidak langsung turut melibatkan demorafi pengundi iaitu dari kerusi majoriti pengundi Cina kepada kerusi campuran dan status ini seterusnya kekal sehingga PRU 15. Perbezaan yang berlaku antara status kerusi pada PRU 4 dan PRU 11 ini membolehkan MCA mempraktikkan konsep politik naungan di kerusi Par;limen Ayer Hitam ini. Status kerusi marginal atau kerusi campuran memerlukan MCA 'mendapatkan naungan UMNO' untuk menang, terutamanya membabitkan sokongan dari pengundi Melayu. Oleh itu konsep politik naungan ini dipraktikkan oleh MCA di kerusi Parlimen Ayer Hitam kerana kerusi ini satu-satunya kerusi Parlimen yang ditandingi oleh MCA yang mempunyai lebih dari 50 peratus pengundi Melayu.[25] Sehubungan itu, situasi ini

secara tidak langsung membuktikan permulaan pengaruh MCA di kerusi berdasarkan kepada konsep politik naungan yang dipraktikkan oleh parti tersebut.

Kedudukan Parlimen Ayer Hitam dalam Jajaran Politik Baharu

Keputusan PRU 14 pada asasnya telah mengubah landskap politik negara. Situasi ini memperlihatkan BN berada di blok pembangkang untuk pertama kali dalam sejarah. Oleh itu pada Persidangan Dewan Rakyat Penggal Ke-14, satu-satunya kerusi Parlimen milik MCA berada di blok pembangkang. Meskipun begitu, penjajaran politik baharu yang berlaku pada 2020 ekoran perubahan komposisi parti kerajaan, MCA sekali lagi berada pada blok kerajaan. Oleh itu, kedudukan Parlimen Ayer Hitam terhadap MCA terbahagi kepada dua situasi iaitu semasa MCA berada di blok pembangkang dan semasa MCA kembali dalam kerajaan. Kedudukan Parlimen Ayer Hitam dalam dua tempoh ini memperlihatkan perbezaan corak politik naungan yang dipraktikkan oleh MCA, terutamanya bagi kelangsungan politik parti tersebut.

Kekalahan BN pada PRU 14 memberi tamparan hebat kepada kesemua parti yang membentuk gabungan tersebut kerana perlu berada dalam blok pembangkang untuk kali pertama sepanjang penglibatan gabungan tersebut dalam politik Malaysia. Tempoh ini dianggap kritikal untuk Parlimen Ayer Hitam kerana kerusi ini merupakan satu-satunya kubu terakhir MCA. Sekiranya MCA tidak mengambil langkah yang drastik, kedudukan parti itu sebagai tempat masyarakat Cina bernaung akan diambil alih oleh pesaing utama mereka iaitu DAP. Oleh itu, Presiden MCA, Wee Ka Siong mula menonjolkan kedudukan Parlimen Ayer Hitam dalam Dewan Rakyat. Pada sidang media pertama yang dilakukan oleh BN sebagai pembangkang, Wee ka Siong menyatakan MCA akan menjadi pembangkang yang beribawa dan memainkan peranan semak dan imbang yang berkesan terhadap dasar-dasar kerajaan Pakatan Harapan (PH).[26] Tempoh MCA sebagai pembangkang ini memperlihatkan tindakan dan strategi Wee Ka Siong untuk menonjolkan semula MCA sebagai wadah perjuangan masyarakat Cina.[27]

Dalam usaha menonjolkan semula MCA sebagai tempat masyarakat Cina bernaung, parti tersebut turut melakukan tindakan bagi meningkatkan semula imej parti itu dalam kalangan masyarakat Cina. Tindakan tersebut merangkumi perkara yang dekat dengan masyarakat Cina iaitu melalui pendidikan. Antara tindakan yang dilakukan oleh beliau adalah mendesak kerajaan PH mengiktiraf dengan segera terhadap sistem Sijil Peperiksaan Bersama (*United Examination Certificate*-UEC) oleh sekolah-sekolah persendirian Cina di seluruh Malaysia.[28] Semasa tempoh kempen untuk PRU 14, calon-calon dari PH terutamanya DAP mengemukakan manifesto untuk mengiktiraf UEC setara dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).[29] Wee Ka Siong menyatakan, isu peperiksaan ini menyebabkan hampir keseluruhan masyarakat Cina memberi undi kepada DAP. Kenyataan beliau agar pengiktirafan UEC segera dilaksanakan ini bukan sahaja bagi menonjolkan peranan MCA terhadap masyarakat Cina, malah yang lebih penting adalah memberi persepsi negatif terhadap kerajaan PH, terutamanya DAP.[30] Perkara ini sekaligus membuktikan kepada masyarakat Cina bahawa DAP hanya berjanji bagi meraih sokongan semata-mata.

Isu ini bukan sahaja diutarakan melalui kempen ceramahnya di kawasan Parlimen Ayer Hitam, malah turut dibahaskan di Dewan Rakyat. Pada Meyuarat Pertama Sidang Dewan Rakyat Penggal ke-14, Wee Ka Siong mengajukan soalan berkenaan UEC kepada Timbalan Menteri Pelajaran, Teo Nie Ching (2018-2020). Soalan yang dibawa oleh beliau ini menjadi isu besar sehingga mencetuskan perdebatan dalam Dewan Rakyat. Walaupun begitu, soalan ini tidak dijawab oleh Teo Nie Ching. Timbalan Menteri Pelajaran tersebut hanya memberi gambaran kerajaan tidak akan melaksanakan UEC dalam masa terdekat.[31] Melalui peristiwa ini, MCA berjaya memperlihatkan bahawa PH mengkhianati kepercayaan masyarakat Cina yang memberi sokongan padu terhadap gabungan tersebut. Tindakan

ini sekaligus menonjolkan semula MCA adalah pejuang terhadap masyarakat Cina.[32]

Selain itu, Wee Ka Siong turut mempertikaikan tindakan kerajaan terhadap kolej swasta, terutamanya yang dimiliki secara pegangan oleh MCA. Melalui perkara ini, Wee Ka Siong mempersoalkan tindakan kerajaan PH, terutamanya Menteri Kewangan, Lim Guan Eng (2018-2020) kerana memotong belanjawan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (TAR). Wee Ka Siong menyatakan kerajaan PH lebih kepada membalas dendam berbanding melaksanakan dasar-dasar yang berkesan berbanding kerajaan BN dahulu. Pada 2018, Lim Guan Eng mengumumkan geran sepadan untuk Kolej TAR berjumlah RM 39.4 juta. Jumlah tersebut telah berkurangan sebanyak RM 5.5 juta pada Belanjawan 2019 dan RM 1.4 juta pada Belanjawan 2020.[33] Lim Guan Eng menyatakan Kolej TAR milik persendirian MCA, sekiranya MCA melepaskan pegangan dalam kolej tersebut, kerajaan akan menyediakan dana tambahan sebayak RM 30 juta.[34] Wee Ka Siong meyatakan tindakan kerajaan akan menyebabkan kerja penyelidikan di kolej tersebut terbengkalai kerana kekurangan dana. Beliau turut mendakwa pemotongan itu disasarkan kepada MCA, tetapi yang terkesan adalah kakitangan akademik serta pelajar. Beliau turut menyatakan tindakan kerajaan PH mencadangkan agar MCA melepaskan pegangan seolah-olah menghina bangsa Cina kerana kolej tersebut didirikan melalui dana awam kepada MCA.[35]

Kedua-dua isu yang dibawa oleh Wee Ka Siong semasa MCA dalam tempoh pembangkang menyebabkan beliau dilihat sebagai pejuang untuk masyarakat Cina. Secara asasnya, Wee Ka Siong menggunakan Parlimen Ayer Hitam sebagai wadah untuk menonjolkan semula kedudukan MCA sebagai tempat untuk masyarakat Cina. Melalui perkara ini, beliau berjaya menjadikan Parlimen Ayer Hitam sebagai penghubung antara masyarakat Cina dan kerajaan. Dalam tempoh MCA sebagai parti pembangkang ini, konsep politik naungan yang diterjemahkan oleh MCA melalui tindakan parti tersebut adalah berdasarkan kepada peranan Parlimen Ayer Hitam ini sebagai pengkalan politik baharu bagi parti itu di Johor. MCA berusaha membuktikan bahawa parti itu adalah tempat untuk masyarakat Cina bernaung supaya dapat mengatasi DAP di negeri ini. Selain itu, konsep politik naungan semasa tempoh MCA sebagai parti pembangkang ini mendapat bantuan dari parti bersekutu utama mereka, iaitu UMNO. Walaupun isu lebih bersifat 'keCinaan', namun tindakan UMNO yang turut memberi sokongan bagi mengkritik kerajaan Persekutuan dan negeri sedikit sebanyak membantu MCA. Misalnya Ketua Pembangkang DUN Johor yang juga Pengerusi BN Johor iaitu Hasni Mohammed (2019-2023), beliau menyatakan kerajaan PH hanya pandai berjanji berbanding melaksanakan, tertamanya dalam isu UEC. Mengulas isu tersebut, UMNO secara dasarnya tidak bersetuju dengan UEC, namun menentang keras sekiranya isu tersebut hanya dipolemikkan oleh pihak tertentu.[36] Secara asasnya, konsep politik naungan yang dipraktikkan oleh MCA semasa parti tersebut menjadi pembangkang adalah untuk mendapatkan semula sokongan dari pengundi Cina disamping berusaha mengekalkan sokongan dari pengundi Melayu supaya dapat mengukuhkan pengaruh di Parlimen Ayer Hitam.

Pada 23 Februari 2020, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PBBM) mengumumkan menarik sokongan terhadap kerajaan PH. Selain itu, seramai 11 Ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) mengisytiharkan keluar parti dan membentuk blok Bebas di Parlimen.[37] Susulan dari peristiwa ini, Dr. Mahathir Mohammad turut mengumumkan perletakan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi PBBM. Ketiga-tiga peristiwa penting ini menyebabkan berlakunya penjajaran politik baharu, sekaligus membentuk kerajaan campuran yang dikenali dengan kerajaan Perikatan Nasional (PN). Kerajaan PN ini terdiri dari BN, Parti Islam Se-Malaysia (PAS), PBBM, bekas ahli Parlimen PKR, Gabungan Parti Sarawak (GPS), Parti Bersatu Sabah (PBS), Parti Solidariti Tanah Airku (STAR) dan diketuai oleh Perdana Menteri yang baru dilantik iaitu Muhyiddin Yassin.[38]

Pembentukan kerajaan campuran ini membolehkan MCA kembali kepada kedudukan dalam kerajaan, malah wakil dari parti itu dilantik sebagai Menteri dan Timbalan Menteri. Wee Ka Siong dilantik sebagagai Menteri Pengangkutan (2020-2022), Lim Ban Hong dilantik Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (2020-2022), Mah Han Song dilantik Timbalan Menteri Pendidikan 1 (2020-2022) serta Wee Jeck Seng sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (2020-2022).[39] Berdasarkan kepada pembentukan kabinet baharu ini, MCA hanya mendapat satu kedudukan sebagai Menteri penuh melalui 'tiket' Parlimen Ayer Hitam. Kedudukan ini akan memberi kelebihan terhadap Parlimen Ayer Hitam, terutamanya dari segi sokongan pengundi. Walaupun begitu, perubahan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap politik naungan yang dipraktikkan oleh MCA sebagai strategi politik parti tersebut dalam usaha menjadikan Parlimen Ayer Hitam sebagai pengkalan politik baharu di Johor.

Naratif politik naungan yang dipraktikkan oleh MCA semasa parti ini berada dalam kerajaan PN adalah 'menumpang' UMNO bagi menonjolkan kedudukan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu buat bagi kegiatan politik MCA. Berdasarkan kepada perkara tersebut, MCA berusaha untuk mengembalikan semula peruntukan untuk Kolej TAR yang dipotong oleh kerajaan PH.[40] Dalam sidang media MCA yang diadakan pada 28 Mei 2020, Wee Ka Siong menyatakan, Menteri Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 58 juta kepada Kolej TAR.[41] Perkara ini secara tidak langsung memperlihatkan Wee Ka Siong berjaya mendapatkan semula peruntukan untuk kolej masyarakat Cina dan ini memberi peluang untuk beliau mendapatkan sokongan dari mereka. Situasi peruntukan Kolej TAR ini juga mendapat perhatian dari UMNO. Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Johor, Nur Jazlan Mohamed menyatakan peruntukan kepada Kolej TAR perlu dikembalikan semula bagi memperlihatkan kesaksamaan dalam pendidikan tinggi di Malaysia tanpa mengira fahaman politik. Kenyataan dari kepimpinan UMNO Johor ini secara tidak langsung memberi gambaran MCA mendapat naungan penuh bagi mengendalikan semula kolej milik parti tersebut. Justeru itu, situasi ini memperlihatkan tindakan yang dilakukan oleh MCA untuk mendapat sokongan dari UMNO dan perkara ini membuktikan tindakan MCA dalam usaha meluaskan sokongan di Johor adalah berdasarkan kepada politik naungan dari UMNO, terutamanya bagi menjadikan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat parti itu di Johor.

Selain itu,strategi politik naungan di Parlimen Ayer Hitam ini turut dilihat melalui tindakan Wee Ka Siong berusaha menonjolkan imejnya melalui bantuan semasa tempoh pandemik kovid-19. Semasa tempoh pandemik, kerajaan mengumumkan akan menyalurkan bantuan sebanyak RM 300,000 bagi setiap Ahli Parlimen untuk mengagihkan bantuan makanan kepada rakyat.[42] Melalui pengumuman ini, Wee Ka Siong bersama-sama kepimpinan UMNO Bahagian Ayer Hitam turun padang bagi mengagihkan bantuan kepada pengundi yang terjejas di kawasan ini. Tindakan turun padang bersama kepimpinan UMNO ini jelas adalah untuk meraih sokongan dari pengundi Melayu kawasan ini. Pengundi Melayu di Johor lebih terbuka terhadap pemimpin UMNO kerana parti ini telah sebati dengan penduduk Johor dalam tempoh yang lama. Selain itu, imej UMNO sebagai peneraju politik Johor lebih diterima oleh masyarakat Melayu di negeri ini. Oleh itu, tindakan Wee Ka Siong bersama Ketua UMNO Bahagian Ayer Hitam, Samsolbari Jamali untuk turun padang bagi membantu penduduk di Parlimen Ayer Hitam merupakan strategi untuk mengukuhkan sokongan dalam kalangan pengundi Melayu melalui perlaksanaan politik naungan dari UMNO. Melalui tindakan ini, Wee Ka Siong berjaya menonjolkan beliau sebagai Ahli Parlimen yang mengambil peduli terhadap kehendak masyarakat tempatan, sekaligus meningkatkan semula imej beliau bukan sahaja terhadap masyarakat Cina, malah pengundi Melayu dalam usaha mengukuhkan kedudukan di Parlimen ini.

Secara asasnya, perlantikan Wee Ka Siong sebagai Menteri peringkat Persekutuan merupakan 'batu loncatan' terhadap MCA untuk mendapatkan semula sokongan dari masyarakat Cina dan Melayu di Parlimen Ayer Hitam. Strategi politik naungan yang dilaksanakan bermula dari Parlimen

Ayer Hitam sehingga peringkat negeri dan Persekutuan mengangkat semula imej beliau sebagai 'juara' dalam kalangan masyarakat Cina. Di samping itu, melalui Parlimen Ayer Hitam ini, tindakan dari Wee Ka Siong ini secara tidak langusng membuktikan kelangsungan politik MCA di Johor perlu dilakukan bersama-sama dengan pemimpin UMNO, terutamanya melalui strategi politik naungan kerana politik Johor adalah 'politik UMNO'.

Faktor Parlimen Ayer Hitam Sebagai Kubu Kuat MCA

Pemilihan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat MCA menjadi signifikasi yang jelas terhadap kelangsungan parti tersebut, terutamanya pasca PRU 14. Sebelum BN di Johor tewas pada PRU tersebut, kawasan yang menjadi kubu kuat terhadap politik MCA di Johor adalah Parlimen Kluang, Bakri dan Labis. Ketiga-tiga kerusi Parlimen ini merupakan kawasan utama sokongan terhadap MCA di Johor.[43] Bermula dengan PRU 13, berlakunya peralihan sokongan dalam kalangan pengundi Cina dan keadaan ini berterusan sehingga PRU 14. Situasi ini menyebabkan kerusi yang menjadi sandaran MCA dimenangi oleh DAP. Namun begitu, Parlimen Ayer Hitam masih kekal dimenangi oleh MCA dan penyandang kerusi ini adalah Presiden MCA iaitu Wee Ka Siong. Sehubungan itu, MCA berusaha menjadikan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat, untuk memastikan parti itu terus kekal relevan dalam politik Malaysia.

Faktor utama yang menyebabkan MCA menjadikan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat parti tersebut adalah berdasarkan kepada prestasi di Parlimen ini. Sejak kerusi ini mula dipertandingkan pada PRU 11, MCA terus mengukuhkan kedudukan politik melalui kerusi ini. Keputusan di Parlimen ini sejak kerusi ini dipertandingkan pada PRU 2004-2018 memperlihatkan MCA berjaya mempertahankan kedudukan selaku penyandang di kerusi ini. Pada PRU 14 semasa 'tsunami politik' berlaku di seluruh Malaysia, MCA hanya menang satu sahaja kerusi Parlimen dari 40 kerusi Parlimen yang mereka tandingi di seluruh Malaysia dan kerusi tersebut adalah Parlimen Ayer Hitam.[44] Kemenangan pada PRU 14 ini membuktikan kedudukan MCA di kerusi Parlimen ini sukar digugat. Perkara ini menyebabkan kebergantungan MCA terhadap Parlimen Ayer Hitam bagi kelangsungan politik parti tersebut bukan sahaja di Johor, tetapi utuk memastikan parti itu relevan dalam poltik Malaysia. Oleh itu MCA berusaha menjadikan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat parti itu untuk kelangsungan terhadap politik Malaysia.

Selain itu, pemilihan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat MCA yang baharu ini turut melibatkan sokongan dari pengundi Melayu. Kerusi Parlimen Ayer Hitam merupakan antara kerusi marginal atau campuran kerana nisbah pengundi antara kaum tidak jauh berbeza. Pada PRU 15, jumlah pengundi Melayu adalah 58.7 peratus. Manakala jumlah pengundi Cina 37.1 dan pengundi India 4.1 peratus. Berdasarkan kepada peratus pengundi di Parlimen ini, MCA hanya memerlukan separuh sokongan dari pengundi Cina di samping menguasai pengundi Melayu untuk menang di kerusi ini. Bagi mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu, strategi politik naungan ini dipraktikkan secara menyeluruh bersama UMNO. Melalui politik naungan, MCA akan memperoleh sokongan dari pengundi Melayu dan berupaya untuk mengekalkan kemenangan di Parlimen ini dengan majoriti yang selesa. Sokongan dari penugndi Melayu MCA menjadikan parti itu tidak bergantung kepada sokongan dari pengundi Cina semata-mata untuk menang. Situasi ini membuktikan politik naungan dipraktikkan oleh MCA sebagai strategi utama dalam usaha mendapatkan sokongan pengundi Melayu. Keberkesanan politik naungan UMNO terhadap MCA di Parlimen ini menyebabkan parti itu berusaha menjadikan kerusi ini sebagai kubu kuat politik tersebut di Johor pada PRU 15.

Strategi Politik Naungan oleh MCA di Parlimen Ayer Hitam PRU 15

Parlimen Ayer Hitam bukan sahaja menjadi kubu terhadap MCA, malah turut memainkan peranan sebagai kubu kuat parti itu sama ada di Johor dan seluruh negara. Dalam usaha untuk mengekalkan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu MCA, parti tersebut merencanakan strategi politik naungan. Tindakan MCA terhadap strategi ini merangkumi dua tindakan utama iaitu calon yang bertanding dan isu yang menjadi kempen semasa pilihan raya.

Calon Yang Dipertaruhkan MCA

Berdasarkan kepada strategi politik naungan yang dilaksanakan oleh MCA, calon parti tersebut yang bertanding untuk kerusi Parlimen Ayer Hitam ini perlu mendapat 'restu' dari kepimpinan UMNO Johor kerana untuk menang di kerusi ini, MCA memerlukan sokongan dari pengundi Melayu dan tidak boleh bergantung kepada sokongan dari pengundi Cina semata-mata. Pecahan demografi pengundi di Parlimen ini adalah menunjukkan status kerusi ini adalah kerusi campuran iaitu 58.7 peratus pengundi Melayu, 37.1 peratus pengundi Cina, empat peratus pengundi India dan lain-lain 0.1 peratus. Berdasarkan kepada situasi tersebut, 'restu' UMNO terhadap calon MCA yang bertanding di kerusi ini merupakan kunci utama yang akan menentukan kelangsungan atau kemenangan calon MCA yang bertanding di kerusi Parlimen ini. 'Restu' dari UMNO ini membuktikan strategi yang dilaksanakan oleh MCA bagi mengekalkan penguasaan di kerusi Parlimen Ayer Hitam adalah berdasarkan kepada politik naungan yang direncanakan oleh parti tersebut.

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat MCA 2022 memperlihatkan keputusan sebulat suara bersetuju untuk mencalonkan Wee Ka Siong bertanding di Parlimen Ayer Hitam. Kerusi Parlimen ini bukan sahaja memainkan peranan sebagai 'tapak' untuk perjalanan kerjaya politik beliau, malah turut menjadi kubu kubat MCA itu sendiri. Konsep politik naungan di Parlimen Ayer Hitam ini jelas dapat dilihat apabila pemimpin UMNO Johor bukan sahaja memberi laluan kepada MCA untuk bertanding di kerusi ini, malah berikrar akan membantu calon MCA untuk menang di kerusi ini. Ketua UMNO Ayer Hitam, Samsolbari Jamali menyatakan UMNO akan memberi sokongan penuh kepada Wee Ka Siong untuk mempertahankan kemenangan di kerusi ini.[45] Tegas beliau, Parlimen Ayer Hitam adalah contoh semangat Barisan Nasional yang jelas kerana memiliki komposisi jumlah pengundi Melayu lebih ramai dari pengundi Cina tetapi calon yang bertanding adalah dari parti yang berteraskan kaum Cina. Kenyataan dari pemimpin UMNO tersebut membuktikan UMNO bukan sahaja memberi 'restu' kepada calon MCA untuk bertanding di kerusi ini, malahan memberi jaminan untuk memastikan kemenangan di kerusi Parlimen ini. Restu ini secara tidak langsung membuktikan strategi politik naungan yang direncanakan oleh MCA, terutamanya dalam usaha untuk mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu. Justeru itu, strategi politik naungan ini digunakan sepenuhnya oleh MCA supaya kemenangan di kerusi ini dapat dikekalkan dan sekiranya parti itu memperoleh keseluruhan sokongan pengundi Melayu, MCA berupaya untuk mengekalkan kemenangan di Parlimen ini dengan majoriti yang selesa.

Pada PRU 15, persaingan di Parlimen Ayer Hitam melibatkan tiga penjuru iaitu Sheikh Umar Bagharib Ali dari PH dan Mohd Syafiq Aziz dari PN. Pencalonan dari PH dan PN ini segera mendapat perhatian dari MCA. Wee Ka Siong menyatakan persaingan tiga penjuru ini akan memberi cabaran terhadap beliau, terutamanya dari segi sokongan pengundi Melayu memandangkan kedua-dua pihak lawan dari PH dan PN mencalonkan bangsa Melayu bertanding di kerusi ini. Meskipun begitu, beliau yakin untuk menang kerana telah lama berkhidmat di Parlimen ini. Beliau menyatakan pengundi lebih memilih calon yang berpengalaman berbanding calon 'bidang terjun'. Selain itu, beliau turut menyatakan, MCA memperlihatkan kerajsama yang baik dengan UMNO bagi mempertahankan

kedudukan di kerusi ini. Berdasarkan kepada kenyataan ini, Wee Ka Siong memperlihatkan politik naungan antara UMNO dan MCA di kerusi ini penting untuk parti ini, terutamanya dalam usaha mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu.[46] Perkara ini sekali gus memperlihatkan kedudukan MCA di kerusi parlimen ayer hitam bergantung terhadap politik naungan dari umno. melalui politik naungan dari umno ini, mca dapat menjadikan parlimen ayer hitam ini sebagai kubu politik untuk parti tersebut. Berdasarkan kepada kenyataan ini, Wee Ka Siong dilihat berkeyakinan tinggi untuk menang, sekaligus mempertahankan kerusi Parlimen ini untuk penggal kelima berturut-turut.

Kempen Oleh Calon MCA

Oleh kerana kerusi Parlimen ini merupakan kerusi tunggal yang dimenangi oleh MCA pada PRU 14, parti itu menganggap kerusi ini amat penting untuk kelangsungan politiknya, malah perlu dipertahankan dalam apa jua cara sekalipun. Naib Pengerusi MCA, Ti Lian Ker (2018-2023) menyatakan kerusi Parlimen Ayer Hitam perlu dipertahankan kerana kerusi ini merupakan lambang terhadap MCA. Turut senada dengan beliau, Timbalan Pengerusi MCA Johor, Lim Pay Hen (2015-Sekarang). Beliau menyatakan kerusi Parlimen Ayer Hitam menjadi kubu kuat MCA kerana calon yang bertanding di kerusi ini adalah Presiden parti itu. Beliau turut menyatakan sekiranya MCA tewas di kerusi ini, pihak yang paling rugi adalah masyarakat Cina itu sendiri kerana tidak mempunyai wakil yang beribawa untuk membantu mereka pada masa akan datang.[47] Oleh itu, kempen yang dilakukan oleh MCA bagi mempertahankan kemenangan di Parlimen Ayer Hitam dilihat dilakukan secara tersusun.


Antara kempen utama yang dilakukan oleh MCA bagi mempertahankan kemenangan di Parlimen Ayer Hitam, adalah pendekatan sederhana. Pendekatan sederhana oleh MCA dilakukan bagi meraih sokongan dari pengundi Melayu dan pengundi Cina. Demografi pengundi di Parlimen Ayer Hitam memperlihatkan pengundi Melayu dan Cina tidak memiliki jurang perbezaan yang tinggi. Untuk menang selesa di Parlimen ini, MCA perlu mendapatkan sokongan dari kedua-dua pihak. Justeru itu, pendekatan sederhana ini dilakukan bagi menjaga hati kedua-dua golongan pengundi ini. Sekiranya MCA berkeras memperjuangkan hak bangsa Cina, pengundi Melayu akan tersinggung dan tidak mengundi MCA, sedangkan sokongan pengundi Melayu memainkan peranan sebagai penentu kemenangan.[48] Pendekatan sederhana MCA ini penting untuk kelangsungan parti itu dan diteruskan sejak parti itu bergabung UMNO dan MIC untuk membentuk Perikatan, kemudian BN. Namun begitu, pendekatan sederhana yang menjadi imej MCA disalah tafsir oleh pihak lawan, terutamanya DAP sehingga menggelarkan MCA adalah ‘pak turut’ UMNO. Melalui kempen pendekatan secara sederhana ini, MCA membuktikan parti itu mengamalkan sikap bertoleransi dalam politik bagi memastikan kelangsungan mereka.[49]

Selain itu, kempen yang dilakukan oleh MCA di Parlimen ini turut memperlihatkan tindakan parti itu mempraktikkan politik naungan di kerusi ini melalui UMNO. Kempen bersama UMNO ini dilakukan melalui penerangan manifesto parti itu terhadap kempen di kerusi Parlimen Ayer Hitam. Kempen penerangan manifesto ini dilakukan bersama-sama dengan Ketua UMNO Bahagian Ayer Hitam, Samsolbari Jamali dan Menteri Besar Johor, Onn Hafiz (2022-Kini) pada 15 November 2022. Manifesto tersebut merangkumi empat teras utama iaitu membangunkan Parlimen Ayer Hitam sebagai hab pengangkutan darat di Johor, hab pertanian moden, mewujudkan segi tiga emas perlancongan Johor dan memperkasakan peluang pengajian tinggi, termasuk usaha-usaha untuk mendapatkan biasiswa kepada golongan belia. Perkara ini membuktikan strategi politik naungan ini dipraktikkan oleh MCA dan UMNO semasa kempen bagi mengekalkan kemenangan di kerusi ini. Faktor utama kempen manifesto ini dilakukan bersama UMNO adalah bagi memperlihatkan bentuk kerjasama yang utuh antara MCA dan parti ini. Kerjasama dari pemimpin UMNO ini memperlihatkan politik naungan yang diperlukan oleh MCA bagi mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu di Parlimen

ini. Justeru itu, sokongan dari pengundi Melayu akan membantu calon MCA, untuk menang mudah di kerusi ini. Oleh itu MCA memerlukan naungan dari UMNO bagi mengekalkan satu-satunya kerusi Parlimen yang mereka ada di Johor agar kelangsungan politik MCA dapat diteruskan.

Prestasi MCA di Parlimen Ayer Hitam Pada PRU 15


Keputusan PRU 15 memperlihatkan MCA bukan sahaja berjaya mengekalkan kemenangan di kerusi tersebut, malah berjaya meningkatkan jumlah majoriti undi berbanding PRU 14. Persaingan di Parlimen Ayer Hitam pada PRU 15 memperlihatkan berlakunya pertembungan tiga penjuru antara PH, BN dan PN. BN diwakili oleh MCA yang mempertaruhkan Presiden parti dan penyandang kerusi ini iaitu Wee Ka Siong. Manakala PH pula mempertaruhkan Sheikh Umar Bagharib Ali dari DAP. PN mempertaruhkan calon dari PPBM iaitu Mohd Syafiq Aziz. Berdasarkan kepada senarai calon ini, Wee Ka Siong mendahului senarai calon lain kerana beliau merupakan penyandang kerusi ini selama empat penggal. Namun begitu, Sheikh Umar Ali yang sebelum ini pernah memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Paloh atas tiket DAP pada PRU 14 dipindahkan untuk bertanding di kerusi ini turut memberi saingan sengit terhadap BN. Manakala calon PPBM pula, walaupun hanya dilihat sebagai *'underdog'* namun memberi cabaran dari segi penguasaan undi Melayu terhadap kedua-dua pihak sama ada BN atau PH.



Rajah 1: Perbandingan Keputusan PRU 14 dan PRU 15, Parlimen Ayer Hitam
Sumber: Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.148 Ayer Hitam, Pilihan Raya Umum 2022, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Pada PRU 15, jumlah undi yang diperoleh calon MCA, Wee Ka Siong adalah 18,911 undi. Manakala undi dari calon PH, iaitu wakil dari DAP, Sheikh Umar memperoleh 15,948 undi manakala calon PN dari PPBM, Mohd Syafiq Aziz memperoleh 11,833 undi. MCA berjaya mempertahankan kerusi ini dengan jumlah majoriti 2,963 undi, meningkat berbanding PRU 14 yang hanya memperoleh 303 undi sahaja. MCA bukan sahaja berjaya meningkatkan jumlah majoriti, malah jumlah undi yang diperoleh turut meningkat berbanding PRU 14.[50] Rajah 1 menunjukkan perbandingan jumlah undi yang diperoleh MCA dan DAP pada PRU 15 berbanding PRU 14. Berdasarkan rajah tersebut, jumlah undi yang diperoleh MCA meningkat iaitu 17,076 undi pada PRU 14 kepada 18,911 undi pada PRU 15. Manakala undi untuk DAP pula mengalami penurunan iaitu dari 16,773 undi pada PRU 14 kepada 15,948 undi pada PRU 15. Manakala PN mencatatkan peningkatan undi berbanding PRU lalu. Pada PRU 14, kerusi Parlimen Ayer Hitam ditandingi oleh PAS hanya memperoleh 4,975 undi sahaja dan jumlah ini meningkat kepada 11,833 undi pada PRU 15. Peningkatan undi oleh PN ini menjadi faktor terhadap kemerosotan undi kepada PH.[51]

Berdasarkan kepada jumlah undi yang diperoleh setiap calon tersebut, jelas bahawa kelompok undi berpecah kepada tiga kumpulan besar. Setiap parti yang bertanding di Parlimen Ayer Hitam memiliki pengaruh tersendiri. PPBM misalnya pernah menjadi kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri membantu calonnya, Mohd Syafiq memperoleh lebih dari 10,000 undi, yang disumbangkan oleh pengundi Melayu. Manakala PH pula, walaupun mempertaruhkan calon berbangsa Melayu, namun mereka masih mendominasi pengundi Cina di Parlimen tersebut.[52] Manakala MCA, sokongan yang diperoleh adalah berdasarkan dari sokongan pengundi Melayu serta pengundi Cina. Persaingan tiga penjuru ini memberi kelebihan terhadap MCA, terutamanya dari segi perpecahan undi. MCA berjaya mengambil peluang dari perpecahan kelompok undi ini untuk menang dengan majoriti yang selesa. Peningkatan majoriti ini membuktikan MCA berjaya memperoleh semula rentak sokongan di Parlimen Ayer Hitam.



Rajah 2: Pecahan Sokongan Pengundi Melayu di Parlimen Ayer Hitam, PRU 15.
Sumber: Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.148 Ayer Hitam, Pilihan Raya Umum 2022, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Faktor utama yang membolehkan MCA mengekalkan kemenangan di kerusi Parlimen Ayer Hitam pada PRU 15 ini adalah sokongan dari pengundi Melayu. Sokongan dari penugndi Melayu ini merupakan strategi politik naungan yang dipraktikkan oleh MCA sepanjang tempoh kempen pada PRU ini. Oleh itu pada PRU ini, UMNO membantu MCA mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu melalui politik naungan dan perkara ini dapat dilihat pada penguasaan pengundi Melayu di Parlimen ini oleh MCA. Jumlah pengundi Melayu di kerusi ini pada PRU 15 adalah seramai 35,403 orang. Berdasarkan kepada keputusan yang diperoleh pada PRU 15 ini, sokongan pengundi Melayu lebih terjurus kepada MCA berbanding PH atau PN. Rajah 2 menunjukkan sokongan pengundi Melayu terhadap parti yang bertanding di Parlimen Ayer Hitam pada PRU 15. Berdasarkan kepada carta tersebut, MCA merupakan parti yang paling banyak memperoleh sokongan dari pengundi Melayu iaitu sebanyak 67 peratus. Jumlah ini diikuti oleh Bersatu yang memperoleh 26 peratus, seterusnya DAP memperoleh tujuh peratus. Berdasarkan kepada pecahan ini, sokongan pengundi Melayu ini menjadi titik pemisah antara ketiga-tiga parti yang bertanding. Pada PRU ini, MCA menguasai lebih daripada 50 peratus sokongan pengundi Melayu di kerusi ini. Perkara ini membuktikan politik naungan yang direncanakan oleh MCA membolehkan parti itu mendominiasi pengundi Melayu. Oleh itu pada PRU ini, MCA berjaya mengekalkan kemangan dengan majorti yang lebih besar iaitu 2963 undi berbanding 303 undi pada PRU 14. Penguasaan pengundi Melayu di kerusi ini membolehkan MCA menjadikan Parlimen Ayer Hitam ini sebagai kubu kuat parti itu di Johor.

Sokongan dari pengundi Melayu terhadap MCA ini dapat dilihat melalui keputusan yang diperoleh berdasarkan Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang mempunyai majoriti pengundi Melayu. Antara PDM tersebut adalah Sri Mendapat, Sungai Rambot dan Parit Haji. PDM ini merupakan PDM yang mempunyai pengundi Melayu ramai di Parlimen Ayer Hitam. Di PDM Sri Mendapat, MCA memperoleh 881 undi dan berjaya mengatasi PH, yang memperoleh 269 undi serta PN yang memperoleh 524 undi. Manakala di PDM Sungai Rambot, MCA memperoleh 972 undi, PH hanya memperoleh 319 undi dan PN memperoleh 719 undi. Begitu juga di PDM Sri Sepakat, MCA memperoleh 864 undi, manakala PH memperoleh 314 undi dan PN memperoleh 614 undi.[53] Berdasarkan sokongan besar dari pengundi Melayu ini, MCA berjaya menang di kerusi ini dengan majoriti yang selesa berbanding PRU 14 sebelum ini. Sokongan dari pengundi Melayu kepada calon MCA ini secara tidak langsung membuktikan keberhasilan politik naungan yang dipraktikkan oleh parti tersebut. Sokongan dari pengundi Melayu kepada MCA bukan disebabkan oleh calon dan manifesto parti tersebut, tetapi adalah berdasarkan kepada kebersamaan dengan UMNO dalam sebuah gabungan politik yang pada akhirnya memberi imej bahawa MCA adalah 'naungan UMNO'. Dalam hal ini, MCA tindakan berada 'dibelakang' UMNO bagi meraih sokongan dari pengundi Melayu telah memberi kelebihan terhadap parti tersebut, terutamanya dari segi penguasaan pengundi Melayu. Justeru itu, bagi mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu, MCA perlu berada bersama-sama dengan UMNO dan perkara ini membuktikan tindakan politik naungan yang dilakukan oleh MCA adalah tepat, terutamanya dalam konteks untuk mengekalkan penguasaan di Parlimen Ayer Hitam.[54]

Di samping itu, perpecahan pengundi Cina di Parlimen Ayer Hitam turut menjadi faktor yang menyumbang terhadap kemenangan MCA di kerusi ini. Pada PRU 14, majoriti pengundi Cina lebih cenderung memberi sokongan terhadap DAP. Namun pada PRU 15 memperlihatkan berlakunya perubahan kerana sokongan terhadap MCA turut meliputi sokongan dari masyarakat Cina di Parlimen ini. Walaupun majoriti masyarakat Cina masih kekal mengundi PH, namun berlaku perpecahan akibat calon berbangsa Melayu oleh gabungan tersebut. Segelintir masyarakat Cina tidak menyokong tindakan DAP mencalonkan Sheikh Umar sebagai calon parti itu. Oleh itu sokongan masyarakat Cina terhadap MCA meningkat berbanding PRU 14 dan keadaan ini menyebabkan berlakunya persaigan sengit di beberapa PDM majoriti pengundi Cina. Ini dapat dilihat di PDM majoriti pengundi Cina seperti PDM Kangkar Bahru dan Bandar Ayer Hitam Timor. Di PDM Kangkar Bahru, DAP memperoleh 1,029 undi, manakala MCA yang memperoleh 918 undi. Di PDM Bandar Ayer Hitam Timor pula, MCA memperoleh 792 undi, manakala DAP memperoleh 981 undi.[55] Persaingan sengit di kedua-dua PDM majoriti pengundi Cina ini membuktikan berlakunya perubahan terhadap sokongan dari pengundi Cina. MCA mula memperoleh sokongan dari pengundi Cina walaupun jumlahnya tidak besar berbanding DAP. Secara asasnya, pencalonan bangsa Melayu oleh DAP pada PRU 15 menyebabkan perpecahan sokongan masyarakat Cina, sekaligus menguntungkan MCA.

Pola Pengundi dan Faktor Kemaraan MCA di Parlimen Ayer Hitam

Berdasarkan keputusan PRU 15, MCA jelas mempamerkan prestasi yang baik berbanding PRU 14. Situasi ini sekaligus membuktikan parti itu berada dalam keadaan 'fasa kebangkitan semula'. Walaupun keputusan yang diperoleh pada PRU 15 tidak berjaya menyamai rekod PRU 2004 terdahulu, namun parti ini berjaya menujukkan kebangkitan, sekaligus membuktikan kemampuan untuk bersaing dengan DAP. Selain itu, kejayaan MCA dalam mempertahankan kedudukan di Parlimen Ayer Hitam sekaligus membuktikan kerusi ini merupakan kubu kuat parti itu di Johor. Malah melalui kerusi ini, MCA berupaya untuk meluaskan sokongan dalam kalangan masyarakat Cina di Johor.

Antara faktor yang mendorong kebangkitan semula MCA di Johor pada PRU 15 adalah politik naungan dari UMNO. Situasi politik di Johor membuktikan UMNO berpengaruh di negeri ini sehinggakan Johor digelar sebagai 'kubu UMNO'. Faktor yang membolehkan UMNO menaungi politik negeri ini adalah berdasarkan kepada prestasi parti itu. Kedudukan UMNO di Johor tidak pernah tergugat sejak penglibatan parti itu dalam pilihan raya di negeri ini. Malahan pada PRU 14 yang lalu, UMNO masih berjaya memenangi 17 kerusi DUN berbanding parti komponen lain seperti MIC yang hanya menang dua kerusi DUN dan MCA tewas semua kerusi DUN yang ditandingi.[56] Faktor penguasaan UMNO di Johor ini menyebabkan parti itu mempunyai sokongan padu dalam kalangan akar umbi dalam kalangan pengundi Melayu, terutamanya dari kawasan FELDA. Berdasarkan kepada situasi itu, MCA berusaha mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu ini melalui naungan dari UMNO. Oleh itu kedudukan MCA selaku parti gabungan bersama UMNO membantu parti tersebut meraih sokongan dari pengundi Melayu di negeri ini. Justeru itu, tindakan MCA merencanakan strategi politik naungan di Johor ini adalah bagi mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu. Melalui tindakan ini, parti itu tidak perlu bergantung kepada sokongan pengundi Cina semata-mata, terutamanya di kerusi campuran seperti Parlimen Ayer Hitam.

PRU 15 memperlihatkan berlaku peningkatan sokongan masyarakat Melayu di Johor kepada UMNO. Kejayaan besar BN dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor membuktikan masyarakat Melayu terus memberi sokongan terhadap UMNO dan keadaan ini terus berlaku sehingga PRU 15.[57] Peningkatan pengundi Melayu terhadap UMNO ini turut memberi kesan terhadap MCA. Oleh itu MCA berusaha mendapatkan politik naungan dari umno agar sokongan pengundi Melayu ini turut membantu parti itu mengukuhkan kedudukan terhadap politik Johor. Oleh itu pada PRU 15, MCA berjaya mengekekalkan kemenangan dengan jumlah majoriti yang lebih besar berbanding PRU 14. Melalui Parlimen Ayer Hitam ini, MCA menggerakkan ahli parti itu bagi berkempen di kerusi Parlimen yang ditandingi. Hasilnya parti tersebut berjaya merampas semula Parlimen Tanjung Piai. Kemenangan MCA di kedua-dua kerusi ini membuktikan parti tersebut memperoleh sokongan dari pengundi Melayu kerana kedua-dua kerusi ini merupakan kerusi campuran pengundi. Berdasarkan kepada kemenangan tersebut, jelas bahawa strategi politik naungan yang direncanakan oleh MCA menyebabkan parti itu memperoleh sokongan dari pengund Melayu. Oleh itu kedudukan UMNO sebagai penaung politik negeri ini membantu meningkatkan momentum gerakan politik MCA di negeri ini.

Kesimpulan

Secara konklusinya, PRU 15 menjadi titik permulaan terhadap kebangkitan MCA kerana parti itu bukan sahaja mempertahankan kemenangan di Parlimen Ayer Hitam, malah berjaya meningkatkan jumlah majoriti berbanding PRU 14. Kemenangan dengan majoriti yang selesa, iaitu melebihi 2,500 undi membuktikan MCA berjaya menjadikan kerusi Parlimen ini sebagai kubu kuat parti itu di Johor. Oleh itu gerakan politik MCA melalui Parlimen Ayer Hitam dan parti tersebut berjaya merampas semula kerusi Parlimen Tanjung Piai yang mereka tewas pada PRU 14. Kemenangan MCA di kedua-dua kerusi Parlimen ini merupakan hasil dari strategi politik naungan yang dilakukan melalui UMNO. Strategi ini membolehkan MCA mendapatkan sokongan dari pengundi Melayu dengan lebih tinggi berbanding sebelumnya. Situasi ini sekaligus membolehkan MCA megekalkan kemenangan di Parlimen Ayer Hitam dengan majoriti yang lebih besar. Strategi politik naungan yang dilakukan oleh MCA melalui UMNO ini berpotensi untuk parti itu merampas semula kerusi majoriti pengundi Cina seperti Parlimen Iskandar Puteri, Kluang, Labis dan Bakri sekiranya peranan Parlimen Ayer Hitam sebagai kubu kuat diperluaskan di seluruh Johor pada PRU akan datang.

Nota

[1] *Utusan Malaysia*, Analisis Keputusan PRU-14, 29 Mei 2018.

[2] MCA merupakan parti utama tumpuan masyarakat Cina sejak penubuhan parti tersebut pada 1946. Masyarakat Cina di Semenanjung Malaysia, khususnya di Pantai Barat seperti Selangor, Perak, Johor dan Negeri Sembilan lebih cenderung memberi sokongan terhadap MCA. Berdasarkan kepada sokongan yang diperoleh tersebut, MCA digelar sebagai parti politik tempat masyarakat Cina bernaung. Namun pasca Pilihan Raya Umum Ke-12, 2008, MCA mula menunjukkan kemerosotan sehinggalah tewas dengan teruk kepada DAP pada PRU 14. Pek Koon Heng, *Chinese Politics in Malaysia: A History of the Malaysian Chinese Association*, Oxford University Press, London,1988, hlm. 62.

[3] Frank A. Mayer, *The Opposition Years: Winston S. Churchill and the Conservative Party, 1945-1951,* Oxford University Press, London, 1992, hlm. 24.

[4] Ibid., hlm. 32.

[5] Allein G. Moore, *The Story of Malacca*, Routledge Inc, New York, 2010, hlm. 104.

[6] Warrenn. F. Buffet, *The War Room: Political Strategies for Party, Reforms and Beyong*, Routledge Inc., New York, hlm 26.

[7] Menteri Besar Johor, Dato' Onn Jaafar telah mengadakan pertemuan dengan kepimpinan persatuan orang Melayu di Istana Johor. Antara yang hadir adalah wakil dari Persatuan Melayu Johor, Persatuan Melayu Segamat serta Persatuan Melayu Singapura. Isu yang dibincangkan adalah keperluan untuk masyarakat Melayu mempunyai sebuah pertubuhan identity sendiri dan hasil dari pertemuan tersebut, UMNO ditubuhkan. Bersandarkan dari situasi tersebut, masyarakat Melayu di Johor melihat UMNO ini adalah hasil pemikiran dari anak jati Johor iaitu Dato' Onn Jaafar. Oleh itu UMNO mendapat sokongan kukuh dari penduduk negeri ini. CO 537/4790, Political Developments: Influence of Dato Onn and UMNO in Malayan Politics.

[8] Simon C. Smith, *British relations with the Malay rulers from decentralization to Malayan independence, 1930-1957*, Oxford University Press, London, hlm. 36.

[9] Hock Guan Lee, *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor*, ISEAS-Yusof Ishak Institute, Singapore, 2018, hlm. 19.

[10] CO 537/4790, Political Developments: Influence of Dato Onn and UMNO in Malayan Politics.

[11] Ibid.

[12] Edmund Terence Gomez, K. S. Jomo, *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits,* Cambridge University Press, London, 2001, hlm. 26.

[13] Geoffrey Pridham, *The Dynamics of Democratization A Comparative Approach*, Oxford University Press, London, 2001, hlm. 27.

[14] Sophie Lemiere, *Illusions of Democracy: Malaysian Politics and People,* Amsterdam University Press, Amsterdam, 2019, hlm. 29.

[15] Laporan Persempadanan 1974 Bahagian Parlimen, Bagi Kawasan Negeri-Negeri Melayu, Sabah dan Sarawak, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

[16] Berita Harian, Kerusi Pengundi Melayu Ditambah, 1986.

[17] Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum 1974, Bagi Kerusi Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Kuala Lumpur.

[18] Laporan Persempadanan 1984, Bahagian Parlimen, Bagi Kawasan Negeri-Negeri Melayu, Sabah dan Sarawak, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

[19] Ibid, hlm. 39.

[20] Laporan Persempadanan 2003, Bahagian Parlimen, Bagi Kawasan Negeri-Negeri Melayu, Sabah dan Sarawak, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

[21] Ibid., hlm. 61.

[22] Ibid.

[23] *Utusan Malaysia*, Kawasan Baharu Pilihan Raya Ditentukan di Parlimen – TPM, 2003.
[24] *Berita Harian*, Pembahagian Kerusi di Johor Selesai, 2003.
[25] Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.148 Ayer Hitam, Pilihan Raya Umum 2018, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
[26] Utusan Malaysia, BN akan menjadi pembangkang berkesan, 23 Mei 2018.
[27] Hock Guan Lee, *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor*, ISEAS-Yusof Ishak Institute, Singapore, 2018, hlm. 19.
[28] Pada PRU 2018, DAP mengusulkan manifesto agar UEC diiktiraf di seluruh Malayasia. Melalui pengiktirafan ini, sijil UEC dapat digunakan untuk kemasukan ke universiti awam yang ada di dalam negara. Walaupun begitu, Tindakan DAP ini mendapat kecaman dari masyarakat Melayu kerana menganggap peperiksaan UEC tidak mengikut dasar pendidikan negara. *Utusan Malausia*, Malaysia hilang identiti jika UEC diiktiraf, 16 Julai 2018.
[29] *The Star*, MCA slams Kluang MP over UEC denial, 2 Ogos 2018.
[30] *The Star*, Govt to recognise UEC qualification, 8 April 2018.
[31] Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Sidang Parlimen Ke-14.
[32] Hijack In Malaysia: The Fall of Pakatan Harapan.
[33] Laporan Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2020, Tinjauan Fiskal Kementerian Pendidikan, Kuala Kementerian Kewangan Malaysia, Kuala Lumpur, 2020.
[34] The Star, TAR UC again made political pawn in Budget 2020, 20 November 2019.
[35] The Star, MCA Leaders hit out at Pakatan over TAR UC grants, 1 Disember 2019.
[36] Utusan Malaysia, BN Komited Sebagai Pembangkang Beribawa di Johor, 21 Julai 2018.
[37] 11 Ahli Parlimen PKR tersebut adalah Azmin Ali (Ahli Parlimen Gombak), Zuraida Kamarudin (Ahli Parlimen Ampang), Ali Biju (Ahli Parlimen Saratok), Saifuddin Abdullah (Ahli Parlimen Indera Mahkota), Baru Bian (Ahli Parlimen Selangau), Kamaruddin Jaffar (Ahli Parlimen Bandar Tun Razak), Mansor Othman (Ahli Parlimen Nibong Tebal), Rashid Hasnon (Ahli Parlimen Batu Pahat), Dr. Santhara Kumar (Ahli Parlimen Segamat) Willie Mongin (Ahli Parlimen Puncak Borneo) dan Jonathan Yasin (Ahli Parlimen Ranau).
[38] Gabungan Parti Sarawak (GPS) merupakan gabungan parti politik nasional Sarawak terdiri daripada Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Parti Rakyat Sarawak (PRS), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Demokratik Progresif Sarawak (PDP).
[39] *Utusan Malaysia*, Muhyiddin Umum Senarai Kabinet, Empat Menteri Kanan, 9 Mac 2020.
[40] *Utusan Malaysia*, Kolej TAR ucap terima kasih kerana dana RM58 juta, 30 Mei 2020.
[41] *Berita Harian*, Kolej TAR Ucap Terima Kasih Pada Menteri Kewangan, 29 Mei 2020.
[42] *Utusan Malaysia*, Semua Ahli Parlimen terima RM 300,000 untuk Bantuan Bakul Makanan-PM, 29 Jun 2020.
[43] Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum 2018, Bahagian Parlimen di Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Kuala Lumpur.
[44] Ibid.
[45] *The Star*, MCA Presiden still in Ayer Hitam, 26 Oktober 2022.
[46] Temu bual Wee Ka Siong, Presiden MCA (2018-Sekarang), Ahli Parlimen Ayer Hitam (2018-Sekarang), Pejabat Presiden, Wisma MCA, Tingkat Tiga, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur pada 2.30 petang,10 November 2018.
[47] *The Star*, GE15: Ayer Hitam Now Political Important To MCA, 14 November 2022.
[48] *News Straits Times*, In hot seat of Ayer Hitam, veteran Malaysian minister takes aim at parachuted DAP candidate, 7 September 2022.
[49] *The Star*, MCA will not be a mere 'pak turut'- Ka Siong, 19 Oktober 2022.
[50] Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.148 Ayer Hitam, Pilihan Raya Umum 2022, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
[51] Ibid.

[52] Ibid.

[53] Ibid.

[54] *The Edge*, Split Malay vote means minorities could play crucial role in Malaysia GE15 outcome: Experts, 27 Oktober 2022.

[55] Helaian Mata (*Score Sheet*), Bahagian Pilihan Raya, P.148 Ayer Hitam, Pilihan Raya Umum 2022, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

[56] Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, Bahagian Dewan Undangan Negeri, Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

[57] PRN Johor diadakan secara berasingan dengan PRU 2022. PRN Johor diadakan pada 12 Mac 2022. Pada PRN ini, BN berjaya memenangi 40 kerusi DUN. Manakala PH menang 12 kerusi DUN dan PN menang tiga kerusi DUN.

Rujukan

Astro Awani. 2021. "Persempadanan Kawasan Pilihan Raya: Patuhi Perlembagaan Dan Prinsip Kesaksamaan, Bukan Etnik Dan Agama". March 24. Retrieved 11 September 2023 from https://www.astroawani.com/berita-politik/persempadanan-kawasan-pilihan-raya-patuhi-perlembagaan-dan-prinsip-kesaksamaan-bukan-etnik-dan-agama-289839

Berita Harian. 1986. Kerusi Pengundi Melayu Ditambah. 27 Mei.

Berita Harian. 2019. RTS Akan Dilaksanakan Namun Ambil Masa-PM, 7 Oktober.

Berita Harian. 2020. Kolej TAR Ucap Terima Kasih Pada Menteri Kewangan, 29 Mei.

Buffet, W. B. 2019. The War Room: Political Strategies for Party, Reforms and Beyond. New York: Routledge Inc.

Case, W. 2019. "Politics in Malaysia Today: Demise of the Hybrid? Not So Fast," *Taiwan Journal of Democracy* 15, no. 2: 1–29.

CO 537/4790. 1949. Political Developments: Influence of Dato Onn and UMNO in Malayan Politics.

Dettman, S. C. 2020. Political Financing Reform: Politics, Policies, and Patronage in Malaysia. Singapore: Singapore Management University Press.

FO 953/763. 1950. Text of speech by the Commissioner-General for the UK in South East Asia at UMNO House, Johore Bahru about the politic situation.

Fraser D. R. & Zhang, H. 2019. *Political Patronage: The Case of Malaysia.* New York: Routledge Inc.

Gomez, E. T, Jomo, K. S. 1999. *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*. London: Cambridge University Press.

Hansard (Penyata Parlimen), Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Sidang Parlimen Ke-14. Parlimen Malaysia.

Helaian Mata (Score Sheet). Bahagian Pilihan Raya, P.148 Ayer Hitam, Pilihan Raya Umum 2022. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Heng, P. K. 1988. Chinese Politics in Malaysia: A History of the Malaysian Chinese Association. London: Oxford University Press.

Laporan Keputusan Pilihan Raya Kecil Parlimen Tanjung Piai 2019. Negeri Johor. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14. Bahagian Dewan Undangan Negeri. Negeri Johor, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Laporan Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14. Bahagian Parlimen. Negeri Johor. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Laporan Persempadanan 1974 Bahagian Parlimen. Bagi Kawasan Negeri-Negeri Melayu. Sabah dan Sarawak. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Laporan Persempadanan 1984. Bahagian Parlimen, Bagi Kawasan Negeri-Negeri Melayu. Sabah dan Sarawak. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Laporan Persempadanan 2003. Bahagian Parlimen, Bagi Kawasan Negeri-Negeri Melayu, Sabah dan Sarawak. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.

Lee, H. G. 2018. *Electoral Politics and the Malaysian Chinese Association in Johor*. Singapore: ISEAS-Yusof Ishak Institute.

Lemiere. 2019. *Illusions of Democracy: Malaysian Politics and People*. Amsterdam: Amsterdam University Press.

Mayer, F. A. 1992. *The Opposition Years: Winston S. Churchill and the Conservative Party, 1945-1951*. London: Oxford University Press.

Moore, A. G. 2010. *The Story of Malacca*. New York: Routledge Inc.

Nawab, M. & Gomez, E. T. 2023. *Breaking Malay Muslim hegemony: Patronage, Factionalism and Feuds in the 14th Malaysian General Election*. Singapore: ISEAS-Yusof Ishak Institute.

Rodan, G. 2023. *Political Upheaval: A Glimpse into Racial Politics, State Political Patronage and the Future of Malaysia*. New York: Cornell University Press.

Smith, S. C. 2022. *British Relations with the Malay Rulers from Decentralization to Malayan Independence. 1930-1957*. London: Oxford University Press.

Tan, S. 2022. *Conflict of Interest: Preventing Political Patronage and Corruption in Malaysia*. Singapore: Marshall Cavendish.

Temu bual Wee Ka Siong, Presiden MCA (2018-Sekarang), Ahli Parlimen Ayer Hitam (2018-Sekarang), Pejabat Presiden, Wisma MCA, Tingkat Tiga, Jalan Ampang, 50450, Kuala Lumpur pada 2.30 petang, 10 November 2018.

The Edge, Split Malay vote means minorities could play crucial role in Malaysia GE15 outcome: Experts, 27 Oktober 2022.

The News Straits Times, MCA Grooming New Young Leaders, 20 Jun 1982.

The Star, GE15: Ayer Hitam Now Political Important To MCA, 14 November 2022.

The Star. MCA Leaders hit out at Pakatan over TAR UC grants, 1 Disember 2019.

The Star. MCA Presiden Still in Ayer Hitam, 26 Oktober 2022.

Utusan Malaysia. Analisis Keputusan PRU-14, 29 Mei 2018.

Utusan Malaysia. BN akan Menjadi Pembangkang Berkesan, 23 Mei 2018.

Utusan Malaysia. Muhyiddin Umum Senarai Kabinet, Empat Menteri Kanan, 9 Mac 2020.

Utusan Malaysia. PH Calonkan Sheikh Umar Lawan Wee Ka Siong, 27 Oktober 2022.

Utusan Malaysia. PN Umum Senarai Calon di Johor, 2 November 2022.

Utusan Malaysia. Semua Ahli Parlimen terima RM 300,000 untuk Bantuan Bakul Makanan-PM, 29 Jun 2020.